

Mahathir: Kita mahu jadi negara yang disegani

BH 10 MAR 1984

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Malaysia mahu menjadi sebuah negara yang disegani dan dihormati oleh semua dan bukan sebuah negara yang ditakuti.

Menurut Perdana Menteri, untuk menjadi negara yang dihormati, rakyatnya mestilah tidak lemah dan sanggup mempelajari sesuatu yang baru untuk kebaikannya.

Katanya, banyak perkara baru dari Timur seperti Jepun ditiru tetapi tidak sekali-sekali bertentangan dengan budaya bangsa.

Datuk Seri Dr Mahathir menambah, Malaysia perlu meniru nilai yang telah menjadikan Jepun sebuah negara yang dihormati.

Mempelajari sesuatu, terutama dalam menimba ilmu pengetahuan dan mempelajari nilai hidup tidak akan merugikan rakyat malah ia penting untuk mengukuhkan sesuatu bangsa, ujar beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir menambah, nilai hidup orang-orang Jepun

seperti kerajinan bekerja, ketekunan, taat setia dan tidak suka menukar pekerjaan adalah satu amalan yang baik dan perlu ditiru.

Nilai-nilai, inilah yang boleh membawa sesuatu bangsa dihormati oleh orang lain, katanya ketika bercucup di dewan kuliah, Ambang Asuhan Jepun, Universiti Malaya di sini hari ini.

F a e d a h

Antara yang hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Duta Jepun ke Malaysia, Encik Akitane Kluchl, Naib Canselor Universiti Malaya, Prof Diraja Ungku Aziz dan Timbalan Naib Canselor, Prof Datuk Dr Asmah Haji Omar.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, selain mempelajari ilmu, rakyat Malaysia perlu mempelajari nilai-nilai hidup orang-orang Timur apabila di Jepun.

"Inilah hasrat kerajaan menghantar pelajar-pelajar Malaysia ke Jepun. Cara ini juga diharapkan akan mendatangkan faedah kepada kita," ujar beliau.

Rakyat Malaysia, kata Perdana Menteri sekarang terdedah kepada dua keadaan yang jauh, berbeza sama sekali iaitu budaya Barat dan Timur.

Katanya, dalam budaya Barat, tidak ada nilai yang tinggi diberikan termasuk dalam soal hormat-menghormati dan ini berlainan sekali dengan budaya Timur yang menghormati orang lain.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak berminat meniru semua nilai hidup dari kedua-dua budaya.

"Apa yang kita mahu tiru ialah nilai-nilai yang baik dan tidak bertentangan dengan budaya dan agama kita," ujarnya.

Ketika melawat Ambang Asuhan Jepun, Perdana Menteri juga melihat peralatan yang digunakan untuk mengajar pelajar-pelajar.

Pusat Asuhan itu adalah sumbangan kerajaan Jepun kepada kerajaan Malaysia. Bangunannya yang berharga \$3.7 juta siap dalam masa lima bulan sahaja.

Pelajar-pelajar di pusat itu akan dihantar ke universiti-universiti di Jepun.